



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 18 / 2023

URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.161 PULAI DAN DEWAN NEGERI N.13 SIMPANG JERAM, JOHOR

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini, **3 Ogos 2023 (Khamis)** dan memutuskan satu **PRK Parlimen P.161 Pulai dan Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor** hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan kedua-dua kerusi tersebut.
2. Bagi maksud menjalankan PRK Parlimen P.161 Pulai dan Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti berikut:

Tarikh Writ	:	3 Ogos 2023 (Khamis)
Hari Penamaan Calon	:	26 Ogos 2023 (Sabtu)
Hari Undi Awal	:	5 September 2023 (Selasa)
Hari Mengundi	:	9 September 2023 (Sabtu)

3. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **26 Ogos 2023**

(Sabtu) sehingga pukul **11.59 malam, 8 September 2023 (Jumaat).**

4. Urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara bagi PRK Parlimen P.161 Pulai dan PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor akan dibuka bermula dari **3 Ogos 2023 (Khamis)**. Manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh Tutup
1	1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	22 Ogos 2023 (Selasa)
2	1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)	12 Ogos 2023 (Sabtu)
3	1C (Agensi / Organisasi)	15 Ogos 2023 (Selasa)

5. Permohonan undi pos bagi semua kategori iaitu **Kategori 1A (Petugas Pilihan Raya, Anggota/Pegawai SPR dan Petugas Media), Kategori 1B (Warganegara Malaysia yang tinggal di**

Iuar Negara) dan Kategori 1C (Agensi/Organisasi),
dilaksanakan secara dalam talian (*online*).

6. Bagi menjalankan proses **PRK Parlimen P.161 Pulau**, SPR telah melantik **seorang (1) Pegawai Pengurus Pilihan Raya dibantu oleh lima (5) orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan **dua (2) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.
7. Manakala bagi menjalankan proses **PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor**, SPR telah melantik **seorang (1) Pegawai Pengurus Pilihan Raya dibantu oleh tiga (3) orang Penolong Pegawai Pengurus**. SPR juga akan menubuhkan **satu (1) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)**.
8. Bagi maksud **PRK Parlimen P.161 Pulau, Pusat Penamaan Calon (PPC) dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** adalah di **Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Johor Bahru**, manakala bagi

maksud **PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor, Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar**, akan digunakan sebagai PPC dan PPRU.

9. Seramai **2,692 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses **PRK Parlimen P.161 Pulai**. Manakala, sebanyak **47 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **294 tempat mengundi/saluran** dan **dua (2) pusat mengundi awal** bagi pengundian yang mengandungi **tiga (3) tempat mengundi/saluran** awal akan digunakan. **Keseluruhan jumlah pusat mengundi bagi PRK Parlimen P.161 Pulai adalah sebanyak 49 buah dengan 297 tempat mengundi/saluran.**

10. Seramai **678 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses **PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor**. Manakala, sebanyak **14 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **68 tempat mengundi/saluran** akan digunakan. **Tiada pusat mengundi awal** akan digunakan bagi maksud PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor.

11. **PRK Parlimen P.161 Pulai** dianggarkan menggunakan peruntukan sebanyak **RM4.5 juta** manakala **PRK Dewan Negeri**

N.13 Simpang Jeram, Johor dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM1.5 juta**. **Jumlah keseluruhan** anggaran peruntukan bagi kedua-dua PRK ini adalah sebanyak **RM6 juta**.

12. **Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR)** yang akan digunakan untuk PRK Parlimen P.161 Pulau dan Dewan Negeri N.13 Simpang Pulau, Johor adalah daftar pemilih terkini sehingga **Daftar Pemilih Tambahan Bulan April Tahun 2023 yang dikemaskini sehingga 23 Julai 2023**.
13. DPPR bagi **PRK Parlimen P.161 Pulau** mengandungi seramai **166,653 orang pemilih yang terdiri daripada 165,700 orang pengundi biasa, 927 orang polis dan 26 orang Pengundi Tidak Hadir Luar Negara**.
14. Manakala DPPR bagi **PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor** pula mengandungi seramai **40,379 orang pemilih yang terdiri daripada 40,373 orang pengundi biasa dan 6 orang Pengundi Tidak Hadir Luar Negara**. DPPR bagi kedua-dua PRK ini akan mula dijual pada **21 Ogos 2023 (Isnin)**.
15. Para pengundi bagi kedua-dua PRK ini boleh membuat **semakan maklumat** pengundian untuk mengetahui maklumat **pusat**

mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan mereka melalui portal **semakan** di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>**, aplikasi **MySPR Semak** atau hubungi **Hotline SPR** di talian **03-8892 7018/ 7218/ 7124**. Semakan maklumat pengundian akan mula dibuka pada **21 Ogos 2023 (Isnin)**.

16. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK Parlimen P.161 Pulai dan Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor, agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus terlibat atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
17. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon

atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di PPC yang telah ditetapkan oleh SPR.

18. Pada PRK ini juga, SPR turut menawarkan kepada **mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau badan yang berminat** untuk menjadi **pemerhati pilihan raya** dalam melihat perjalanan **proses PRK** ini bermula dari **hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan**. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti **di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi** serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan.
19. **Maklumat lanjut dan borang permohonan** boleh diperolehi daripada **Portal SPR www.spr.gov.my mulai hari ini, 3 Ogos 2023 (Khamis) dan tarikh tutup permohonan pada 15 Ogos 2023 (Selasa)**.
20. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* bagi Pusat/Saluran Mengundi yang terpilih di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.

21. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `**Jom Kita Undi**` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

3 Ogos 2023 / 16 Muharam 1445H